KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	08/12/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	JPN SELANGOR			

SH 8.12.2021 24

Isu rumah di Hutan Simpan Bukit Tarek dalam penelitian

SIDANG DUN SELANGOR

SHAH ALAM - Isu rumah kediaman yang didakwa berada dalam Hutan Simpan Bukit Tarek, Hulu Yam, Hulu Selangor masih dalam penelitian lanjut Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS).

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli, Hee Loy Sian berkata, isu tersebut memerlukan semakan bersama pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Selangor dan Pejabat Tanah dan Daerah yang terlibat.

Menurutnya, maklumat awal dari Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor menyatakan kawasan terlibat iaitu Kampung Muhibbah atau dikenali Kampung Melayu Bukit Tarek, mukim Hulu Yam, Hulu Selangor itu telah diluluskan pemberimilikan bagi tujuan pertanian melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 9/2004.

"Kawasan ini dikenali sebagai kawasan pertanian Kampung Muhibbah, mukim Hulu Yam yang turut tersenarai dalam Projek Dusun NukIues Pejabat Pertanlan Daerah Hulu Selangor.

"Hasil semakan kini, 227 plot telah didaftarkan hak milik dan lebih kurang 33 plot sahaja yang terdapat bangunan separa kekal atau kekal.

"Keseluruhan keluasan kawasan ini adalah seluas 259.434 hektar yang meliputi 228 plot pertanian," katanya pada sesi Mesyuarat Kedua Persidangan Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor ke -14 di sini pada Selasa.